

# Perpaduan rakyat kunci memacu kejayaan negara

**Kemajmukan** masyarakat disulami kepelbagaiannya kaum, agama, budaya dan bahasa menjadikan Malaysia sebagai negara unik. Dalam menjamin keharmonian dan kesejahteraan dalam negara, perpaduan menjadi kunci utama membolehkan negara ini terus maju dan berdaya saing.

Sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi, pemimpin meletakkan perpaduan sebagai asas utama dalam agenda negara. Sebagai seseorang berpegang prinsip kesederhanaan, Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj percaya perpaduan antara kaum amat penting, lebih-lebih lagi ketika menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Beliau mahu menyedarkan pihak penjajah bahawa masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu dapat bersatu padu dan bekerjasama untuk mentadbir negara. Hasil kerjasama antara kaum itu, diterjemahkan melalui gabungan parti politik yang berjaya membawa negara ke arah kemerdekaan pada 1957.

Mengekalkan momentum perpaduan dalam masyarakat yang mempunyai banyak perbezaan adalah sesuatu mencair. Perpaduan antara kaum boleh terhakis, sekiranya tidak ada persefahan-

man tekal.

Terjadinya peristiwa 13 Mei 1969 menunjukkan betapa rapuhnya perpaduan kaum di negara ini yang begitu mudah dieksploitasi segelintir pihak bagi kepentingan mereka.

Peristiwa ini menyedarkan kita bahawa tanpa ada satu ikatan perpaduan utuh, negara boleh terjebak dalam kancah huru-hara sehingga merencatkan keamanan dan keharmonian dalam negara.

Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein pula mengambil inisiatif murni dengan melancarkan Rukun Negara pada 31 Ogos 1970 untuk memupuk dan mengukuhkan kembali semangat perpaduan antara kaum yang tercalar akibat peristiwa 13 Mei itu.

Melalui Rukun Negara, masyarakat Malaysia dipupuk dengan nilai sejahtera yang dapat melahirkan bangsa Malaysia demokratik, adil, saksama, liberal dan progresif.

Usaha Tunku Abdul Rahman dan Abdul Razak diteruskan pemimpin negara yang lain dengan melaksanakan pelbagai dasar dan pelan berteraskan perpaduan kaum.

Sehubungan itu, Perdana Menteri,

Tan Sri Muhyiddin Yassin melancarkan Dasar Perpaduan Negara pada bulan lalu dalam usaha memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Melalui dasar itu, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 dihasilkan bagi melahirkan rakyat membudayakan perpaduan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Kesungguhan pemimpin negara dalam memastikan perpaduan terus terpelihara perlu diberikan sokongan padu oleh semua rakyat. Sebagai warganegara bersemangat patriotik dan bertanggungjawab, kita haruslah mengelak daripada membuat sebarang provokasi bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Nasihat itu diluahkan Perdana Menteri ketika melancarkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 secara maya di Facebook Kementerian Perpaduan Negara.

“Kita ketepikan perbezaan dan persengketaan yang wujud dalam masyarakat. Kita pupuk persefahaman dan perpaduan negara,” katanya.

Malah, perpaduan turut disentuh Perdana Menteri pada Majlis Amanat Perdana Setahun Malaysia Prihatin di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya, Isnin lalu.

Justeru, menyahut seruan Perdana Menteri itu, marilah kita cuba mencari titik persamaan dan menerima perbezaan dengan hati terbuka bagi menyemaikan benih perpaduan antara rakyat di negara ini.

---

**Dr Jayakumary Marimuthu**  
Sekolah Kebangsaan Seri Tronoh, Perak



Semangat perpaduan yang kuat perlu dipupuk dalam diri rakyat Malaysia. (Foto hiasan)